

Perkembangan gerakan kesedaran

Peringkat keagamaan 1906 - 1926

Perjuangan kesedaran pada peringkat ini dipelopori oleh tokoh-tokoh keagamaan yang mendapat pendidikan di Timur Tengah. Dalam mengkaji perjuangan mereka ia boleh disimpulkan seperti yang berikut:

Konsep perjuangan:

Menyedarkan umat Islam berkenaan dengan amalan yang bertentangan dengan Islam serta meningkatkan kesedaran perjuangan reformasi.

Matlamat perjuangan:


Memberi kesedaran pendapat dan idea-idea reformasi dari Timur Tengah. Mengikis idea-idea ortodok dan konservatif penganut Islam di Tanah Melayu.

Tujuan reformasi:

Perjuangan Pan Islamisasi


Menjadikan Tanah Melayu sebagai negara Islam dan diletakkan dalam persaudaraan Islam sedunia.

Menjadikan Islam sebagai teras pemerintahan negara dan menggagalkan pemerintahan berasaskan sekular yang dibawa oleh Inggeris.



Perkembangan gerakan kesadaran

Peringkat keagamaan 1906 - 1926



Perjuangan berdasarkan Al Quran dan Sunnah

Meletakkan cara hidup dan menjalani kehidupan berasaskan Al Quran dan Sunnah dalam semua aspek kehidupan, sama ada dari sudut politik, ekonomi, dan sosial.

Menyatakan bahawa kemunduran orang Melayu disebabkan lekangnya mereka daripada ajaran Islam yang sebenar.

Menghapuskan amalan-amalan bidaah yang tidak dihalang oleh golongan tua. Hal ini menyebabkan berlakunya penerusan kepercayaan yang bertentangan dan berlebihan dalam Islam. (Lihat penjelasan lanjut tentang sebab-sebab kepercayaan tradisi masih diamalkan walaupun orang Melayu telah terima Islam dalam Tema Satu)

Mengetepikan pengaruh budaya dan adat yang bertentangan dengan

Menjadikan *Ipten* pendidikan untuk semua. Dibenarkan golongan wanita untuk mendapatkan pendidikan. Sebelum ini para wanita tidak dibenarkan untuk mendapatkan pendidikan disebabkan berpegang kepada amalan tradisi dan adat.


Perkembangan gerakan kesedaran

Peringkat keagamaan 1906 - 1926

Beberapa konsep yang diamalkan oleh orang Melayu banyak memundurkan pemikiran orang Melayu dalam mengejar kesejahteraan sosio-ekonomi. Antaranya dalam sistem kerah dan serah. Pemilikan dan penghambaan sebagai tanda taat dan setia kepada raja. Konsep daulat dan tular dan keadaan ini menghalang rakyat biasa dalam memperbaharui diri ke arah pemodenan.

Menjadikan Islam sebagai satu cara hidup yang serba lengkap.

Islam sebagai addin - satu cara hidup yang lengkap dan sempurna. Islam pentingkan ilmu, melarang perbuatan menyekutukan Allah. Kesempurnaan Islam berdasarkan tamadunnya menjadikan kekuatan Islam menjadi pemangkin kepada penerokaan ilmu. Sedangkan golongan ulama tua, tidak memimpin rakyat biasa ke arah cara hidup Islam yang syumul. Golongan ulama tua lebih menjurus kepada golongan pembesar/pemerintah. Tidak mencetuskan minda dan gagal dalam pelaksanaan kejayaan berteraskan syariat. Keadaan ini banyak bersebabkan sekular penjajah dan ini dikatakan mempengaruhi golongan ulama tua. Perjuangan kaum muda adalah untuk menjadikan Islam sebagai satu cara hidup seperti perjuangan Nabi Muhammad saw.



Perkembangan gerakan kesadaran

Peringkat keagamaan 1906 - 1926

Cara penyebaran:

Menerusi majalah dan akhbar seperti:

Al-Imam

Al-Ikhwan

Seruan Azhar

Pilihan Timur

Semangat Islam

Sekolah-sekolah pondok.

Ciri-ciri perjuangan:

1. Penghargaan terhadap pendidikan, pangkat dan ekonomi.

Pendidikan adalah hak semua orang bukan hak eksklusif golongan bangsawan.

Wujud pertentangan antara golongan tua dan muda.

Tokoh-tokoh pejuang:

1. Sheikh Tahir Jalaluddin

2. Syed Sheikh Al Hadi


3. Sheikh Muhamad Salim Al-Kalali

Pengaruh perjuangan:

Gerakan Sheikh Mohd Abduh

Syed Jamaluddin Al-Afgani


Mereka merupakan reformis Islam yang radikal di Timur Tengah.



Perkembangan gerakan kesedaran

Peringkat keagamaan 1906 - 1926

Kejayaan/Rintangan



Wujud penentangan daripada golongan tua yang masih berfahaman ortodok dan mengamalkan bidaah.

Inggeris bersama golongan tua menyekat perkembangan golongan agama daripada meluaskan pengaruhnya.

Mengharamkan tulisan yang menyentuh tentang Islam jika tidak ada kebenaran.

Mewujudkan jawatan mufti bagi menapis tulisan-tulisan yang berkaitan dengan Islam.

Mengenakan hukuman dan tindakan undang-undang .

Melarang dan meyekat penyebaran majalah-majalah yang berteraskan Islam.

Kejayaan dapat dilihat daripada perjuangan oleh nasionalis yang berfahaman sederhana dalam pentadbiran Inggeris serta kemunculan nasionalis berpendidikan Melayu yang bergerak untuk mendapatkan kebebasan daripada Inggeris.


Perkembangan gerakan kesedaran

Peringkat SosioEkonomi 1926 - 1937

Peningkatan masalah orang Melayu dalam kehidupan moden yang menyisihkan unsur tradisi memperlihatkan perjuangan diteruskan oleh golongan keagamaan. Ini memperlihatkan ketandusan golongan yang berteraskan sosioekonomi. Kegagalan pejuang keagamaan untuk mengubah persekitaran masyarakat Melayu telah mendorong pemikir-pemikir daripada lulusan Inggeris dan Melayu untuk membatasi pengaruh golongan keagamaan.

Konsep perjuangan:

Menjuruskan aspek sosial dan ekonomi.



Matlamat perjuangan:

Memulihkan taraf kehidupan masyarakat Melayu agar seiring dengan masyarakat lain.

Mempastikan pendidikan yang diberikan oleh orang Melayu dilakukan secara menyeluruh sama ada dalam bentuk sukatananya dan peluang-peluang kepada semua golongan.

Membolehkan masyarakat Melayu menerima pendidikan tinggi.

Mengisikan kekosongan jawatan kepada orang-orang Melayu dan melatih mereka mentadbir negeri.


Perkembangan gerakan kesedaran

Peringkat SosioEkonomi 1926 - 1937

Hal ini dapat dilihat daripada perjuangan: Golongan agama yang mementingkan pendidikan. Menggalakan masyarakat Islam mendapat pendidikan dan berusaha untuk mendirikan sekolah-sekolah pondok dan madrasah. Sheikh Al-Hadi membina madrasah di Pulau Pinang bagi mendidik orang-orang melayu dalam ilmu agama.

Menggalakan orang-orang perempuan untuk mendapatkan pendidikan kerana dengan pendidikan orang Melayu dapat meningkatkan pengetahuan dan taraf hidup.

Selain golongan agama, para pembesar Melayu seperti Raja Chulan, memperjuangkan penggunaan bahasa Melayu dalam MMN Perak- sebab wakil Melayu ada yang tidak faham penggunaan bahasa Inggeris.



Para guru Melayu juga memperjuangkan pendidikan dan membanyakkan buku-buku yang ditulis dalam bahasa Melayu. Pejabat karang-mengarang MPSI ditubuhkan bagi merealisasikan perjuangan membanyakkan buku-buku dalam bahasa Melayu sehinggalah tertubuhnya DBP pada 1956. Perjuangan PASPAM memartabatkan bahasa Melayu.

Dari aspek ekonomi perjuangan untuk menjaga kepentingan Melayu adalah dengan mewujudkan Tanah Simpanan Melayu bagi menjaga kepentingan ekonomi Melayu tidak terhakis oleh perkembangan ekonomi yang berpihak kepada warga asing.

Perkembangan gerakan kesedaran

Peringkat SosioEkonomi 1926 - 1937

Bagi menghalang orang Melayu menjadi bangsa minoriti, UMNO telah berjaya menggagalkan MU yang boleh menyebabkan orang Melayu mempunyai suara minoriti. Ini penting bagi survival bangsa Melayu yang lemah dari aspek kuasa ekonomi dan bagi mengimbangnya adalah dengan menguasai kuasa politik.

Tokoh-tokoh

Berlatarkan pendidikan Inggeris:
Raja Chulan, Dato Abdullah Hj. Daman,
Dato Onn Jaafar, Eunus Abdullah, Ishak
Hj. Muhamad


Berlatarkan pendidikan Melayu:
Ibrahim Yaakob, Muhamad Isa mahmud,
Yaacob Mohd Amin, Hassan Hj. Manan.

Pertubuhan

Kesatuan Melayu Singapura - Eunus
Abdullah

Kesatuan Melayu Selangor - Raja Uda
dan Tengku Kamil

Persatuan Melayu Pahang, Negeri
Sembilan




Perkembangan gerakan kesedaran

Peringkat SosioEkonomi 1926 - 1937

Peranan MPSI melahirkan guru-guru yang dipengaruhi dengan gerakan reformis di Indonesia. Wujudkan:

Ikatan Pemuda Pelajar dan Ikatan Semenanjung Borneo- Ibrahim Yaakob, Muhamad Isa Mahmud, Yaacob Mohd Amin, dan Hasan Haji Manan. Tujuan: untuk mencapai kemerdekaan dalam lingkungan Indonesia Raya.

Paspam - Persaudaraan Sahabat Pena :- perjuangan untuk mewujudkan perpaduan melayu melalui bahasa. Perjuangan menegak bahasa Melayu supaya tidak terpinggir dalam negara sendiri. Hal perjuangan bahasa ini bukan sahaja oleh Paspam, tetapi pernah disuarakan oleh Raja Chulan - yang memperlihatkan penggunaan bahasa Inggeris di dalam MMN dan MMP. Orang melayu ada yang tidak boleh bertutur dalam bahasa Inggeris. Merugikan melayu kerana mereka tidak faham perbincangan dan undang-undang yang akan diluluskan.



Perkembangan gerakan kesedaran

Peringkat Politik 1937 - 1948

Konsep Perjuangan:

Politik

Matlamat perjuangan:

Kemerdekaan

Tokoh-tokoh pejuang:

Onn Jaafar membentuk UMNO.

Ibrahim Yaakub

Onan Haji Siraj


Nustafa Haji Hussien

Mukhtaruddin Ishak

Burhanuddin Al-Helmi

Ishak Hj Muhammad

Membentuk KMM bermatlamat kemerdekaan dalam lingkungan Indonesia Raya. Bersifat kiri dan tidak bekerjasama dengan Inggeris. Kemudian membentuk PKMM. Bergerak aktif dalam menentang Malayan Union.



Pertubuhan terlibat:

KMM Kesatuan Melayu Muda

PETA Tentera Pembela

Tanah Air

MPAJA Malayan Peoples Anti

Japanese Army

PKMM Parti Kebangsaan

Melayu Malaya

API Angkatan Pemuda

Insaf - cawangan pemuda

PKMM

AWAS Angkatan Wanita

Sedar - cawangan wanita PKMM

PUTERA Pusat Tenaga

Rakyat

UMNO Pertubuhan

Kebangsaan Melayu Bersatu

Perkembangan gerakan kesadaran


Peringkat Politik 1937 - 1948

Strategi perjuangan:

Tidak berkerjasama dengan Inggeris / bekerjasama dengan Jepun

Dilakukan oleh KMM dengan tidak mahu bekerjasama dengan Inggeris. Menuntut kemerdekaan sejak 1939. Bersuara lantang. Lebih menjurus kemerdekaan bersama Indonesia dalam Indonesia Raya.

Akibat daripada itu, berlaku penangkapan kepimpinan KMM. Penangkapan kepimpinan KMM dianggap dapat melemahkan pergerakan ini. Berlaku perang dunia ke-2, Jepun membebaskan tahanan politik. Mula era kerjasama dengan Jepun. Tujuan asal - kemerdekaan masih menjadi matlamat, lebih-lebih lagi dengan janji Jepun untuk merdekakan negara yang dijajah Imperialis barat. Kesan kerjasama - wujud PETA (Tentera Pembela Tanah Air). Bagi Jepun sebagai alat untuk memasukkan propaganda Jepun. Bagi Ibrahim Yaakub sebagai persediaan orang-orang Melayu mendapat latihan ketenteraan. Kegunaannya bukan sahaja menentang Inggeris, tetapi Jepun. Pasukan ini ada kerjasama sulit dengan pasukan bawah tanah seperti Force 136 dan Pasukan Wataniah.



Perkembangan gerakan kesedaran

Peringkat Politik 1937 - 1948


Strategi perjuangan:

Kerjasama dengan Jepun bukan sahaja memperlihatkan orang Melayu dalam PETA, tetapi dalam pasukan keselamatan lain seperti Giyugun, Boetai, dan Junsu - merupakan pasukan separa tentera dan polis. Sebelum ini orang Melayu kurang berpeluang dalam mendapatkan latihan ketenteraan secara professional.

PETA dan PUTERA membolehkan Ibrahim Yaakub meneruskan rancangan untuk kemerdekaan bersama Indonesia. Beberapa siri pertemuan diadakan seperti di Taiping pada 12 OGOS 1945 antara Ibrahim Yaakub dengan Sukarno-Hatta. Rancangan Gagal apabila Sukarno mengistiharkan kemerdekaan Indonesia secara mengejut dan Ibrahim Yaakub melarikan diri ke Indonesia.

Perjuangan tidak bekerjasama dengan Inggeris diteruskan oleh PKMM. PKMM bekerjasama dengan AMCJA menentang Perlembagaan 1948 dan mencadangkan Pelembagaan Rakyat, tetapi tidak diterima Inggeris.


Pada 1941-45 MPAJA meneruskan perjuangan menentang Jepun bersama-sama dengan Force 136 dan Wataniah. Pada peringkat ini MPAJA menjalankan dasar bekerjasama dengan pihak Inggeris, tetapi tidak diteruskan pada 1945 kerana pengaruh komunisme sangat kuat dan berlaku darurat pada 1948.



Perkembangan gerakan kesadaran

Peringkat Politik 1937 - 1948

Strategi perjuangan:



Bekerjasama dengan Inggeris

Menjurus pada perjuangan UMNO. Lebih *flexible* daripada KMM. Boleh dibawa berunding. Antara perundingan yang dijalankan ialah perundingan kemerdekaan, serta tolak ansur dalam Perlembagaan 1948. Dianggap sebagai puak kanan atau sederhana oleh Inggeris.

Penentangan bersenjata

Dilakukan oleh MPAJA menentang Jepun dan seterusnya pada 1948 menentang Inggeris secara gerila dalam zaman darurat 1948-1960.


Kerjasama parti-parti politik

Aspek ini dapat dilihat melalui tertubuhnya PERIKATAN gabungan parti-parti UMNO, MCA, dan MIC, Gabungan PKMM dan AMCJA, kerjasama PETA, MPAJA, Force 136 dan Wataniah untuk menentang penjajahan sama ada Inggeris atau Jepun. Kerjasama KMM dengan PNI (Partai Nasionalis Indonesia) memperlihatkan kerjasama serantau untuk mewujudkan negara bangsa Melayu.

Perkembangan gerakan kesedaran

Peringkat Politik 1937 - 1948

Strategi perjuangan:



Demonstrasi aman

Dianjurkan oleh UMNO mulai 1 JUN 1946 untuk membantah Malayan Union serta disokong oleh Raja-Raja Melayu. Aspek ini ditujukan kepada wakil Inggeris (Harold MacMicheal) dalam peras ugut nya meminta tanda tangan raja-raja Melayu. Seluruh persatuan Melayu bergabung dalam UMNO yang dipimpin oleh Dato Onn Jaafar dan melibatkan semua lapisan masyarakat dan taraf kedudukan orang-orang Melayu. Berjaya menggagal Malayan Union dan tertubuh pula politik yang berteraskan pelbagai kaum - PERIKATAN yang ditubuhkan semasa pilahanraya perbandaran Kuala Lumpur , 1952

Pemboikotan

Raja-raja Melayu dan pembesar Melayu memboikot perlantikan Gabenor General Malayan Union serta disokong oleh bekas pegawai-pegawai Inggeris yang bekerja di Tanah Melayu seperti Sir Frank Swettenham.